

KUALA LUMPUR, 9 NOV. (BERNAMA) — DASAR PENGURANGAN MINYAK NEGARA YANG DIAMALKAN OLEH MALAYSIA SEKARANG INI IALAH UNTUK MENJAMIN SIMPANAN MINYAK TIDAK HABIS SEKADAR DIJADIKAN BAHAN PEMBAKAR.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MINYAK JUGA DAPAT DIGUNAKAN LEBIH MENGUNTUNGKAN SELAIN DARI BAHAN PEMBAKAR.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN INI DI DEWAN RAKYAT KETIKA MENYANGKAL DAKWAAN ENCIK KADIR SHEIKH FADHIL (BN-KULIM BANDAR BAHarU) BAHAWA PENGGUBALAN DASAR ITU TIDAK BIJAK.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA DASAR ITU ADALAH SATU KEPUTUSAN BERCORAK PERDAGANGAN BERDASARKAN ANGGAPAN AMALAN PERNIAGAAN BAHAWA IA BOLEH MEMBAWA KEUNTUNGAN ATAU SEBALIKNYA.

KATANYA MENURUT YANG DIFAHAMKAN DENGAN ADANYA TEKNOLOGI BARU DI MASA AKAN DATANG, MINYAK AKAN LEBIH MEMBAWA HASIL DARI KEGUNAAN SEKARANG SEBAGAI BAHAN PEMBAKAR SAJA.

—BERSAMBUNG 1707/AN

B564  
PARLIMEN-MINYAK 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN TEGASNYA DI BAWAH DASAR PENGURANGAN ITU KADAR PENGELUARAN MINYAK BOLEH DIUBAHSUAIKAN DARI MASA KE SEMASA MENGIKUT KEPERLUAN NEGARA.

TUJUAN DASAR ITU IALAH MENGURANGKAN KADAR PENGELUARAN MINYAK YANG SEDANG DIUSAHAKAN DAN MENANGGUHKAN SELAMA TIGA HINGGA LIMA TAHUN PENGELUARAN DARI KAWASAN-KAWASAN BELUM DIUSAHAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA POTENSI SIMPANAN MINYAK NEGARA PADA 1 JANUARI TAHUN INI DIANGGARKAN BERJUMLAH 2.5 RIBU JUTA TONG.

SEJAK JANUARI 1980 KATANYA LAGI SEJUMLAH 96 TELAGA MINYAK TELAH DICARIGALI DAN 10 BUAH DARI JUMLAH ITU DIDAPATI MEMPUYAI MINYAK, SEMENTARA 16 BUAH LAGI MEMPUYAI GAS.

PETRONAS SEDANG MENKKAJI UNTUK MENENTUKAN SAIZ DAN NILAI PERDAGANGAN (COMMERCIAL VALUE) TELAGA-TELAGA YANG TELAH DIJUMPAI.

—BERSAMBUNG 1711/AN

B565  
PARLIMEN-MINYAK 3 KUALA LUMPUR

TENTANG USAHA MENCARIGALI, BELIAU MEMBERITAHU DEWAN PETRONAS CARIGALI SEDANG MENJALANKAN USAHA ITU DI KAWASAN LUAR PANTAI SABAH DAN TRENGGANU.

PENUBUHAN KILANG PENAPIS DI TRENGGANU YANG BERUPAYA MEMPROSES 20,000 TONS SEHARI ITU KEGUNAAN DALAM NEGERI AKAN MEMBANTU MENGEKALKAN STATUS MALAYSIA SEBAGAI PENGEKSPORT BERSIH (NET EXPORTER STATUS).

MENJAWAB PERTANYAAN HAJI TAJUL ROSLI TAN SRI GHAZALI (BN-GRIK) PERDANA MENTERI BERKATA PETRONAS TIDAK MEMEGANG APA-APA SAHAM DALAM KILANG-KILANG PENAPIS MINYAK YANG ADA DI NEGARA INI SEKARANG.

BAGAIMANAPUN PETRONAS AKAN MEMILIKI SEPENUHNYA ATAU MEMILIKI SEBAHAGIAN BESAR SAHAM DALAM KILANG-KILANG PENAPIS DI TRENGGANU DAN MELAKA KELAK ATAU LAIN-LAIN YANG DIRANCANGKAN PADA MASA DEPAN.

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK ABDUL SHUKUR HAJI SIRAJ (BN-TANJUNG KARU) DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MENGIKUT DASAR PENGURANGAN PENGELUARAN, BEKALAN MINYAK NEGARA CUKUP UNTUK 20 TAHUN LAGI.

—BERNAMA 1714/AN